

15/07/2004

Dr Mahathir mahu politik wang dihapus

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, kesal masih ada ahli Umno mengamalkan politik wang pada pemilihan parti yang dianggapnya tidak sepatutnya berlaku.

Dr Mahathir berkata, walaupun tidak terbabit dalam pemilihan kali ini, beliau berharap parti membuat satu ketetapan supaya kegiatan politik wang tidak akan berlarutan.

Katanya, Umno perlu mengambil tindakan segera supaya keadaan ini tidak berlaku dan sekali gus menjejaskan nama baik parti itu sendiri.

"Jika benar ada bukti, kemukakan dan dakwa mereka. Ambil tindakan segera terhadap mereka," katanya ketika mengulas dakwaan wujudnya politik wang dalam pemilihan Umno kali ini.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian pejabat baru agensi media TBWA-ISC di Kuala Lumpur, semalam.

Dr Mahathir berkata, sebelum ini anaknya (Mukhriz) juga pernah dituduh memberi wang kepada perwakilan.

"Jika dia (Mukhriz) bagi wang seperti yang didakwa, kemukakan bukti dan dakwa dia," katanya.

Ditanya sama ada beliau menggalakkan anaknya Mukhriz menceburkan diri dalam politik selepas persaraannya, Dr Mahathir berkata, beliau sudah meletakkan jawatan, itu (cebur politik) terpulang kepada anaknya.

"Saya sudah bersara, saya juga tidak boleh meminta anak saya tidak meneruskan pembabitannya dalam politik semata-mata untuk menjaga reputasi saya. Jika dia datang jumpa dapatkan nasihat, saya beri," katanya.

Mengenai penyertaan anak Perdana Menteri pada pemilihan Umno kali ini, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak tahu perkara itu dan saya tidak mahu mengulas.

"Tetapi apa yang saya nak katakan di sini ialah, pembabitan anak saya (Mukhriz) dalam pemilihan kali ini bukan sebagai anak Perdana Menteri," katanya.

(END)